

07 JAN 1999

BSKL-DANA ASING

MODAL PORTFOLIO JANGKA PANJANG AKAN KEMBALI KE BSKL SECARA BESAR-BESARAN

Oleh: S. Durga Varma

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Modal portfolio jangka panjang dijangka mengalir masuk semula ke dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) secara besar-besaran apabila Bank Negara kini telah membenarkan firma broker tempatan membayar saham yang dibeli sebagai mewakili pelanggan asing walaupun sebelum mereka menerima pembayaran, kata seorang penganalisis kewangan hari ini.

"Langkah ini dilihat sebagai pengalihan tepat pada masanya satu lagi halangan kepada pelaburan portfolio asing dan akan membolehkan pelabur-pelabur asing sekali lagi melabur di Malaysia pada asas "penghantaran vs pembayaran" (DVP)," kata Teoh Kok Lin, pengarah urusan HSBC Research (Malaysia) Sdn Bhd.

Kawalan modal selektif, terutama langkah-langkah yang menghalang pinjaman ringgit kepada firma broker asing telah menyekat keupayaan dana asing untuk melabur dalam pasaran saham Malaysia, menurut pelabur-pelabur pasaran.

Bank Negara menyatakan pada Selasa firma broker tempatan kini dibenarkan membayar mewakili pemegang saham asing bagi satu tempoh kurang daripada tiga hari bekerja.

"Memperolehi keuntungan dan kerugian seumpama itu oleh broker saham tempatan tidak dianggap sebagai satu kemudahan kredit kepada bukan-pemastautin," jelas bank pusat itu.

Sementara itu, bank pusat juga mengumumkan bukan-pemastautin kini bebas untuk menukar dan membawa pulang semula keuntungan yang diperolehi daripada urusniaga kontra berikutan penyerahan bukti dokumentari yang perlu kepada bank-bank.

Penyertaan dana asing dalam pasaran saham tempatan merosot sejak kawalan modal kawalan modal diperkenalkan pada September tahun lalu dan dalam satu mesyuarat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Disember tahun lalu, pengurus dana asing melahirkan kebimbangan bahawa mereka tidak mempunyai kuasa untuk menjual dan keluar daripada pasaran.

Mereka juga menyatakan ketika itu BSKL dianggap sebagai pasaran "tidak cair" di mana ia ditakrif sebagai pasaran pelabur tidak boleh mengeluarkan wang mereka dalam tempoh 10 hari.

Dan dalam pasaran seumpama itu pengurus dana hanya dibenarkan melabur sehingga 15 daripada jumlah portfolio dalam mereka, jelas mereka.

Teoh juga berkata, ketika ini asas "penghantaran vs pembayaran" dilaksanakan semula, ia boleh dianggap sebagai satu langkah oleh pihak berkuasa untuk menarik balik peraturan 12 bulan ke atas pelaburan asing di Malaysia.

"Saya jangka pengubahsuaian ke atas peraturan 12 bulan itu akan berlaku dalam tempoh beberapa minggu ini," tambahnya. -- BERNAMA

DVS ZK JR